

**Pemandu mahu Bursa, SC wajib setiap syarikat terima CIP**  
**The Malaysian Insider**  
**09 Disember, 2011**  
**Oleh Yow Hong Chieh**

KUALA LUMPUR, 9 Dis — Pemandu mahu Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) menguatkuasakan penerimaan Ikrar Integriti Korporat (CIP) ke atas syarikat-syarikat awam yang disenaraikan bagi menarik keyakinan para pelabur.

“Dan, kemudian kita boleh tampil dan berkata bahawa syarikat-syarikat Malaysia telah bergerak lima langkah dari segi integriti korporat sebab Bursa menguatkuasakannya,” kata pengarah NKRA bahagian berkaitan rasuah D. Ravindran hari ini.

Beliau ditemui pemberita selepas menyampaikan kedudukan terkini berkaitan CIP di Kelab Diraja Selangor bersama Transparency International Malaysia (TI-M).

Kini, hanya 53 syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia telah menandatangani CIP yang diperkenalkan Mac tahun ini.

Ia termasuklah Sime Darby, Maybank, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, AirAsia dan Country Heights.

Ravindran juga berkata bahawa Pemandu sedang bergandingan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menggalakkan syarikat-syarikat kecil dan swasta yang lain turut sama menerima CIP.

Bursa Malaysia, SC dan SSM seharusnya bergandingan dengan TI-M untuk memperluaskan penerimaan CIP, kata beliau.

“Ia memberi pelabur keyakinan yang besar untuk mengatakan syarikat-syarikat Malaysia adalah bersih,” katanya lagi.

Presiden TI-M Datuk Paul Low pula berkata, penerimaan CIP adalah penting demi kebaikan syarikat masing-masing, yang akan menggambarkan ia kurang berisiko dan boleh membawa kepada keutuhan syarikat.

“Pelabur-pelabur tidak mahu melabur dalam syarikat yang nilai pasarannya terhakis disebabkan perbuatan rasuah,” kata beliau.

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider  
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemandu-mahu-bursa-sc-wajib-setiap-syarikat-terima-cip/>